

FPP

BizNewz

January - May 2024

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

USEFUL
INFORMATION
IN CHOOSING
ROBO-ADVISORY

Muscle

Memory!

Bunga Raya,
BUKAN BUNGA BIASA.

Gold

SECRET
OF DARTS

SAVING: 999 @ 916

AKU, DIA
NICU SIRI 8



Publication Date
1 June 2024

KELAS ONLINE VS OFFLINE MANA YANG LEBIH EFEKTIF?

INur Shafini Mohd Said & ISiti Rapidah Omar Ali

IFakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Malaysia.

Emel Koresponden: nurshafini@uam.edu.my

Kelas Online Versus Kelas Offline . Mana yang menjadi pilihan anda? Apakah perkara yang paling penting yang perlu anda ingat apabila memilih salah satu daripada perkara tersebut?

Bermula zaman Pandemik Covid19, aktiviti pengajaran dan pembelajaran melalui dalam talian telah menjadi popular di kalangan masyarakat. Pembelajaran dalam talian merupakan alternatif terbaik yang boleh digunakan oleh mana-mana institusi pendidikan untuk melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PnP) kepada pelajarannya.

Walau bagaimanapun, terdapat ramai yang meragui kaedah pembelajaran ini kerana mereka merasakan bahawa kaedah pembelajaran di dalam kelas secara langsung tetap lebih efektif. Kaedah dalam talian ini dianggap tidak memberikan hasil yang baik kerana proses pembelajaran hanya berjalan satu hala. Namun, adakah ini benar? Pada pendapat anda, kaedah pembelajaran mana yang sebenarnya lebih baik untuk dijalankan?

Tiga faktor utama yang mungkin menjadi penyumbang kepada perbezaan antara kelas dalam talian dan kelas bersemuka adalah:

1. INTERAKSI DAN KOMUNIKASI

Di kelas bersemuka, interaksi antara tenaga pengajar dan pelajar serta sesama pelajar sendiri biasanya secara lebih langsung dan spontan. Di samping itu, pembelajaran bersemuka juga dapat mewujudkan hubungan interpersonal yang lebih kuat.

Bagi kelas dalam talian pula, interaksi pelajar dan tenaga pengajar kerap berlaku melalui platform digital seperti panggilan video, forum diskusi, atau mesej dalam talian. Penerimaan kepada medium digital ini memerlukan kemahiran teknologi untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan berkesan. Ini termasuklah keupayaan untuk menggunakan alat komunikasi dalam talian iaitu dalam bentuk pelbagai format bahan pembelajaran digital. Oleh itu, bagi sesetengah pelajar, proses penerimaan kelas dalam talian mungkin memerlukan sedikit waktu dan usaha untuk merasakan keberkesanannya dalam penggunaan medium digital tersebut.

2. CAPAIAN BAHAN PEMBELAJARAN PELAJAR

Untuk kelas dalam talian, bahan pembelajaran biasanya disediakan dalam bentuk format digital yang boleh diakses oleh pelajar dari mana-mana secara atas talian. Sebaliknya, untuk kelas bersemuka pula, bahan pembelajaran mungkin disampaikan secara langsung dan bergantung kepada bahan cetak atau papan tulis.

3. FLEKSIBILITI DAN KEMUDAHAN

Kelas dalam talian sering menawarkan kelebihan dari segi fleksibiliti waktu dan tempat. Pelajar dapat mengakses bahan pembelajaran dan berinteraksi secara atas talian tanpa perlu hadir secara fizikal di lokasi tertentu. Tambahan pula, kelas dalam talian juga menyediakan rekod pembelajaran yang dapat diakses kembali untuk rujukan masa depan. Walaupun demikian, kelas bersemuka mungkin memberikan pengalaman belajar yang lebih terikat kepada jadual tetap dan pengajaran langsung.

Dalam menentukan kelas yang paling sesuai untuk anda, perkara paling penting adalah untuk mempertimbangkan kaedah PnP anda, fleksibiliti waktu dan tempat, dan keadah yang lebih sesuai untuk PnP anda.

Seiring dengan itu, satu hal yang paling penting dalam setiap proses PnP adalah motivasi dan komitmen anda sendiri. Tanpa motivasi dan komitmen yang tinggi, baik kelas dalam talian mahupun kelas bersemuka mungkin tidak dapat memberikan hasil yang optimal. Oleh itu, memilih kaedah PnP yang dapat memenuhi keperluan anda adalah sangat penting.

Rujukan

Meiping, W., Azar, A. S., & Ahmad, A. (2023). The Mediating Effect of Student Engagement on Leadership Skills of Full-Time Teachers' Teaching Strategies on Students' Achievement with Financial Difficulties. *Journal of Law and Sustainable Development*, 11(12), e1410-e1410.

Pulong, L., & Awang, M. M. (2023). Strategi Pilihan Untuk Menggalakkan Penglibatan Murid dalam Pembelajaran Secara Atas Talian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), e002250 e002250.



BizNewz 2024
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com